

KEW.PA-27

No. Sebutharga : JLMWU(LDA)/PELUPUSAN(S)/04/2025

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN : VOLVO XC90 TF (BLY1865)
MILIK LEMBAGA DIUS API WILAYAH UTARA**

Kementerian atau Jabatan:

**LEMBAGA DIUS API WILAYAH UTARA
JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA
JALAN AKUARIUM
11700 GELUGOR
PULAU PINANG**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Volvo XC90 TF	BLY1865	1	29,838.00


2. Penyebut harga yang berminat adalah dikehendaki untuk mendapatkan Dokumen Sebutharga di Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, Jalan Akuarium, 11700 Gelugor, Pulau Pinang .
3. Sekiranya Penyebut Harga ingin melawat aset tersebut, Penyebutharga perlu membuat temujanji terlebih dahulu **mulai 28 November 2025** melalui telefon atau email berikut:-

04-657 8494 / nurulain@marine.gov.my (Cik Nurulain Binti Ismail)

4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh semasa sesi taklimat. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **JLMWU(LDA)/ PELUPUSAN (S) / 04/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**PENGARAH
LEMBAGA DIUS API WILAYAH UTARA
JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA
JALAN AKUARIUM
11700 GELUGOR
PULAU PINANG**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **11 Disember 2025 (Khamis)** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(HJ. ABD MAJID BIN HAJI RAIS)
Pengarah Laut
Tarikh: 27 NOVEMBER 2025

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA** (Kementerian atau Jabatan).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Dokumen sebut harga ini boleh diperolehi semasa lawatan tapak.
10. Untuk syarikat, sijil-sijil asal iaitu Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (MOF) atau Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) perlu dibawa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga.
11. Untuk perseorangan, Kad Pengenalan perlu dibawa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga.
12. Hanya penama dalam Sijil MOF/ SSM atau Kad Pengenalan yang boleh mengambil Dokumen Sebut Harga. Bagi perseorangan, tawaran sebut harga hanya boleh dibuat oleh penama dalam salinan kad pengenalan yang diserahkan semasa pengambilan dokumen sebut harga.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/ Jabatan.